

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 19 RABU 10 MEI, 1967 1387 رابو 30 محرم PERCHUMA


Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Yang Mulia Awg. Mohd. Ali bin Awang Besar, yang juga menjadi Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara berkata bahawa Pejabat Buroh ada-lah sentiasa menyedari Peratoran yang terkandung dalam "Labour Quota" yang mana di-keluarkan dari satu masa ka-satu masa kepada majikan2 yang memohon "quota".

Yang Mulia Awang Mohd. Ali berkata sa-demikian dalam Jawapan Bertulis terhadap satu So'alan Mulut oleh Yang Mulia Awg. Salleh b. Aliakbar, Wakil Kawasan Pahlawan, Brunei di-Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang telah di-langsungkan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 6 Mei, 1967.

So'alan Mulut itu yang di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Salleh bin Aliakbar berbunyi: "Adakah Pejabat Buroh menyedari bahawa Peratoran2 yang terkandung dalam "Labour Quota" tidak di-penuhi?"

Satu lagi So'alan mulut telah di-kemukakan dalam persidangan tersebut. So'alan itu ialah oleh Yang Mulia Pengiran Mohammad bin Pgn. Lahab, Wakil Kawasan Raja Muda, Brunei yang berbunyi: "Sungguh pun Majlis Lembaga Banderan Brunei telah ada masa ini, tetapi mengapakah Majlis ini tidak dapat mengawal atau menyusun Peratoran2 harga barang2 makan yang ada berjual di-Pasar Bandar Brunei, umpama-nya harga2 ikan mengikut peringkat-nya (jenis (Lihat muka 8)



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan dalam gambar ini sedang menendang bola sa-bagai merasmikan permulaan Perlawanan Bola Sepak Peringkat Akhir Bahagian "A" antara Pejabat2 Kerajaan di-Daerah Brunei, Muara dan Tutong di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 6 Mei, 1967 Pasokan Polis Di-Raja telah bertemu dengan Pasokan Jabatan Pelajaran dalam Perlawanan Akhir itu dengan berkesudahan Pasokan Polis Di-Raja mengalahkan Pasokan Jabatan Pelajaran tiga gol berbalas satu.

SAMBUTAN NUZUL AL-QURA'AN 1,400 TAHUN

BANDAR BRUNEI. — Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei akan mengadakan sambutan2 sa-chara besar2an pada tahun ini sa-bagai memperingati genap-nya Ulang Tahun Nuzul Al-Qura'an 1,400 tahun.

Sambutan tersebut akan diadakan berperingkat2, ia-itu Peringkat Daerah dan Peringkat Negeri serta meliputi bahagian kanak2, belia2 dan orang2 dewasa.

Tiap2 Daerah dalam negeri ini akan mengadakan perayaan-nya terlebih dahulu daripada Perayaan Sa-Negeri.

Sambutan Peringkat Negeri akan

di-adakan di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin sa lama tujuh malam, ia-itu dua malam sa-belum Bulan Ramadhan 1387 dan lima malam dalam bulan Ramadhan yang akan berakhir pada 17 Ramadhan.

Antara acara2 yang akan diadakan pada malam terakhir sambutan tersebut ia-lah Titah Uchapan Di-Raja; Bacha'an Al-Qur'an; Sharahan dari Tokoh2 Islam luar

negeri; Nashid serta lain2 achara.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa oleh kerana sambutan tersebut ia-lah satu sambutan yang bersejarah, maka Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei sendiri akan membena sa-buah Mahligai dan panchutan ayer serta mengadakan pemantasan yang khas bagi memperingati sambutan Nuzul Al-Qur'an 1,400 tahun.

PERKAHWINAN DI-RAJA

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menerima sabda daripada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan bahawa istiadat Perkahwinan Di-Raja antara Yang Teramat Mulia Pengiran anak Norain dan Yang Amat Mulia Pengiran anak Mohamed Yusof akan di-langsungkan pada 18 Ogos, 1967.

Yang Teramat Mulia Pengiran anak Norain

ia-lah Puteri kedua kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Yang Amat Mulia Pengiran anak Mohamed Yusof ia-lah anakanda kepada Yg. Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanca dan Yang Teramat Mulia Pengiran Bini. Istiadat jaga2 akan di-muakan di-Istana Darul Hana pada 31 Julai, 1967.

72 orang pelajar2 di-pileh untuk belajar di-Sekolah2 Menengah Arab

BANDAR BRUNAI. — Samai 72 orang pelajar2 telah di-pileh untuk belajar di-Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah Brunei dan di-Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Brunei. Pelajar2 tersebut ada-lah mengandungi 13 orang lelaki dan 59 orang perempuan.

Pelajar2 yang telah di-pileh untuk belajar di-Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah, Brunei ia-lah:

Ag. Suhaidi Hj. Ya'akub, Sekolah Agama Lelaki Brunei; Ag. Jamaluddin Nordin, Sekolah Agama Kiarong Brunei; Awg. Md. Suni Abdul Hamid, Sekolah Agama Lelaki Brunei; Awg. Hashim Md. Said, Sekolah Agama Kiulap Brunei;

Awg. Md. Yusof Hj. Abd. Kadir, Sekolah Agama Lelaki Brunei; Awg. Meraji Hj. A. Bakar, Sekolah Agama Lelaki Brunei.

Awg. Manaf Abdullah, Sekolah Agama Gadong Brunei; Awg. Adnan Jaya, Sekolah Agama Keriam Tutong; Awg. Mastani Abdul Hamid, Sekolah Agama Keriam Tutong; Awg. Khaidzir Hj. Hassan, Sekolah Agama Muda Hashim Tutong; Awg. Subaibun Othman, Sekolah Agama Muda Hashim Tutong; Awg. Ibrahim Mohammad, Sekolah Agama Senaut Tutong; Awg. Shafie Madani, Sekolah Agama Mohd. 'Alam Seria.

Pelajar2 yang telah di-pileh untuk belajar di-Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit Brunei ia-lah:

Dg. Sa'adiyah bte. Jalil, Sekolah Agama Senaut Tutong; Dg. Minah bte. Hassan, Sekolah Agama Birau Tutong; Dg. Kasmirah bte. Haludin, Sekolah Agama Birau Tutong; Dg. Bulan bte. Kirus, Sekolah Agama Kati Mahar Brunei; Dg. Zainun bte. Abd. Rashid, Sekolah Agama Kati Mahar, Brunei; Dg. Minah bte. Othman, Sekolah Agama Birau Tutong.

Dg. Aishah bte. Morni, Sekolah Agama Telisi Tutong; Dg. Guniah bte. Tinggal, Sekolah Telisai Tutong; Dg. Raba'iah bte. Ali, Sekolah Agama Telisai Tutong; Dg. Sairah bte. Lahit, Sekolah Agama Telisai Tutong; Dg. Rashidah bte. Shari, Sekolah Agama Hashim Tutong; Dg. S. Hindun bte. Jais, Sekolah Agama Keriam Tutong.

Dg. Masni bte. Duraman, Sekolah Agama Keriam Tutong; Dg. Norhayati bte. Nordi, Sekolah Agama Muda Hashim Tutong; Dg. Aishah bte. O.K. Hj. M. Yusof, Sekolah Agama Perempuan Brunei; Dg. Rasi-dah bte. Tengah, Sekolah Agama Amar Pahlawan Brunei; Dg. Noriah bte. Mohammad, Sekolah Agama Amar Pahlawan Brunei; Dg. Jijah bte. Naim, Sekolah Agama Sengkurong Brunei.

Dg. Saliah bte. Md. Taha, Sekolah Agama Perempuan Brunei; Dg. Datang bte. Puasa, Sekolah Agama Sengkurong Brunei; Dg. Limah bte. Dagang, Sekolah Agama Sengkurong Brunei; Dg. Janah bte. Tinggal, Sekolah Agama Masin Brunei; Dg. Niah bte. Kula, Sekolah Agama Perempuan Brunei; Dg. Musnah bte. Hj. Md. Yusof, Sekolah Agama Perempuan Brunei.

(Lihat muka 3)



Setia Usaha Agong Perhimpunan Belia Sa-Dunia (WAY) Awang Jyoti S. Singh (di-tengah) telah tiba di-Brunei untuk menghadiri Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei baru2 ini. Beliau telah di-sambut di-Lapangan Terbang Berakas oleh Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Awang Haji Umar serta oleh beberapa Pegawai2 Kanan Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Beberapa orang Pegawai2 Kanan Kerajaan telah memberikan cheramah pada masa di-langsangkan Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah Brunei, mulai pada 28 April 1967 hingga 30 April, 1967.

Di-antara-nya ia-lah dari kiri: Pesuruh Jaya Kebajikan Negeri Brunei, Yang Mulia Awang H.M. Saeni; Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin dan Pengawal Kenderaan Darat Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Abdul Ghani bin Jamil. Di-kanan sekali ia-lah Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Awang Haji Umar.

Gambar ini di-ambil di-Majlis Jamuan di-Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah, Brunei sa-lepas di-langsangkan upacara pembukaan rasmi kursus tersebut oleh Pesuruh Jaya Kebajikan Negeri Brunei Yang Mulia Awang H.M. Salleh.



Gambar ini di-ambil di-majlis Pembukaan Rasmi Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah, Brunei pada pagi 28 April, 1967. Dalam Gambar ini kelihatan di-antara para jemputan dan peserta2 kursus tersebut.



Pemangku Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Awang Abdullah bin Metassan Kelihatan dalam gambar ini sedang memberi ucapan bagi pihak Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin di-Majlis Perpindahan Guru2 Ugama Lelaki dan Perempuan yang memasuki Kursus Singkat Perguruan bertempat di-Dewan Makan, Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah Brunei pada malam 27 April, 1967. GAMBAR BPUL.

72 orang pelajar2 di-pileh untuk belajar di-Sekolah2 Menengah Arab

(Dari muka 2)

Dg. Norjanah bte. Md. Tahir, Sekolah Ugama Kiulap Brunei; Dg. Rosnah bte. Amin, Sekolah Ugama Perempuan Brunei; Dg. Besar bte. Abdullah, Sekolah Ugama Perempuan Brunei; Dg. Bibah bte. Ali, Sekolah Ugama Sengkuring Brunei; Dg. Tifnah bte. Hj. Kahar, Sekolah Ugama Sengkuring Brunei; Dg. Norfah bte. Budin, Sekolah Ugama Sengkuring Brunei.

Dg. Isni bte. Chuchu, Sekolah Ugama Perempuan Brunei; Dk. Masni bte. Pg. Metussin, Sekolah Ugama Perempuan Brunei; Dk. Naimah bte. Pg. Mashor, Sekolah Ugama Amar Pahlawan Brunei; Dg. S. Hawa bte. Besar, Sekolah Ugama Kiulap Brunei; Dg. Aminah bte. Azhari, Sekolah Ugama Perempuan Brunei; Dg. Masni bte. Hj. Jalil, Sekolah Ugama Perempuan Brunei.

Dg. Kamariah bte. Aping, Sekolah Ugama Perempuan Brunei; Dg. Kamariah bte. Hj.

Yusof, Sekolah Ugama Perempuan Brunei; Dg. Hasnah bte. Hassan, Sekolah Ugama Perempuan Brunei; Dg. Jijah bte. Mirhassan, Sekolah Ugama Sengkuring Brunei; Dk. Rahmah bte. Pg. Hashim, Sekolah Ugama Gadong Brunei; Dk. Norsiah bte. Pg. Apong, Sekolah Ugama Amar Pahlawan Brunei.

Dg. Sailam bte. Taha, Sekolah Ugama Sengkuring Brunei; Dg. Rabithah bte. Hj. Abbas, Sekolah Ugama Perempuan Brunei; Dg. Palam bte. Ibrahim, Sekolah Ugama Gadong Brunei; Dg. Jamilah bte. Tuah, Sekolah Ugama Perempuan Brunei; Dg. Norsinah bte. Kasmorjo, Sekolah Ugama Gadong Brunei; Dg. Zainab bte. Abdullah, Sekolah Ugama Perempuan Brunei.

Dg. Fatimah bte. Othman, Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin Belait; Dg. Masni bte. Ahmad, Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin Belait; Dg. Zaleha

Bujang, Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin Belait; Dg. Jamilah bte. Hamdan, Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin Belait; Dg. Hansiah bte. Ali, Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin Belait.

Sharifah Aini bte. Wan Ibrahim, Sekolah Ugama Mohd. 'Alam Seria; Dg. Jariah bte. Kifli, Sekolah Ugama Labi Belait; Dg. Halifah bte. Hidup, Sekolah Ugama Mohd. 'Alam Seria; Dg. Nasbah bte. Salleh, Sekolah Ugama Mohd. 'Alam Seria; Dg. Rosnani bte. Deli, Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin Belait; Dk. Masnah bte. Pg. Chuchu, Sekolah Ugama Perempuan Brunei.

PEPEREKSaan TRENGKAS DAN MENAIP

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Trengkas dan Menaip Tahun 1967 yang di-anjarkan oleh Trengkas Melayu Institute (Malaysia) dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei akan di-adakan pada hari Ahad 4 Jun, 1967 menurut jadual yang di-bawah ini:

Peperiksaan Trengkas mulai jam 10 pagi. Peperiksaan Menaip mulai jam 2 petang. Tempat peperiksaan akan di-umumkan kemudian.

Bayaran memasuki peperiksaan tersebut ada-lah seperti berikut: Peperiksaan Trengkas: Tingkatan Permulaan \$10. Tingkatan Menengah \$10 dan Tingkatan Tertinggi \$15. Peperiksaan Menaip: Tingkatan Permulaan \$10. Tingkatan Menengah \$10 dan Tingkatan Tertinggi \$15.

Permohonan2 mengenai perkara tersebut hendak-lah menggunakan borang2 yang boleh di-dapati daripada Guru2 Trengkas dan Menaip atau di-Pejabat Pelajaran, Brunei.

Permohonan2 hanya akan di-layan apabila di-sampaikan ka-Pejabat Pelajaran, Brunei pada atau sebelum 15 Mei, 1967.



Gambar ini di-ambil di-Majlis Perpindahan Guru2 Ugama Lelaki dan Perempuan yang telah tamat menghadiri Kursus Singkat Perguruan sa-lama satu tahun bertempat di-Dewan Makan Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, Brunei baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan di-antara Guru2 Ugama itu yang hadir di-Majlis Perpindahan tersebut. GAMBAR BPUL.



Gambar ini di-ambil di-hadapan bangunan Lapangan Terbang Berakas baru2 ini sa-belum ahli2 Persatuan2 Peladang dari Daerah2 Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong berlepas ka-Malaysia Barat untuk melawat Pusat2 dan Sekolah2 Pertanian di-sana.

Rombongan tersebut di-ketuai oleh Pembantu Pertanian Kanan Negeri Brunei, Awang Suhaimi bin Haji Ismail dan di-bantu oleh Pembantu Pertanian Rendah Negeri Brunei, Awang Othman bin Uking.



Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking kelihatan sedang memeriksa Perbarisan Tamat Latihan ahli2 Bomba Pelatih Kelas Latihan Kursus Ke-lima di-kawasan Ibu Pejabat Pasokan Bomba di-Bandar Brunei pada pagi 2 Mei, 1967.

PERLAWANAN BOLA SEPAK

SETIA Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pgn. Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pgn. Haji Abdul Rahim telah merasmikan permulaan Perlawanan Bola Sepak Pejabat2 Kerajaan di-Daerah Brunei, Muara dan Tutong Peringkat Akhir sachara kalah mati Bahagian "A" antara Pasokan Polis Di-Raja dan Pasokan Jabatan Pelajaran.

Perlawanan Bola Sepak yang hebat itu telah di-langsungkan di-bawah anjoran Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 6 Mei, 1967 dengan di-saksikan oleh beribu2 orang dari berbagai2 bangsa.

Yang Berhormat Pgn. Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusof telah juga menyampaikan

hadiah rebutan dan sijil2 kemenangan kepada yang berjaya dalam perlawanan tersebut.

Dalam perlawanan untuk menentukan gelaran Kejohanan itu, Pasokan Polis Di-Raja telah mengalahkan Pasokan Jabatan Pelajaran dengan tiga gol berbalas satu.

Dengan kejayaan-nya dalam perlawanan tersebut, Pasokan Polis Di-Raja telah berhasil menyandang gelaran Kejohanan itu pada tahun yang kedua berturut2.

Kapada Pasokan yang berjaya dalam perlawanan itu, adalah di-ucapkan tahniah. Dan kapada Pasokan yang tidak berjaya dalam perlawanan tersebut adalah di-harapkan sa-moga pasokan itu akan berjaya pada tahun yang akan datang.

Penuntut2 melawat Jabatan Ugama

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 18 orang penuntut2 Kelas Dewasa Ugama Belait yang mengandungi 10 orang perempuan dan 8 orang lelaki, di-ketuai oleh Yang Mulia Orang Kaya Seri Ratna Awang Muhammad Noor bin Othman dan Guru Ugama Kuala Balai Che'gu Ta'in bin Salehin telah melawat Jabatan Hal Ehwal Ugama pada pagi 29 April, 1967.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin dalam pertemuan dengan penuntut2 kelas dewasa ugama itu memberi jaminan bahawa Kerajaan D.Y.M.M. sentiasa mengawasi dan mengambil perhatian berat terhadap perkembangan2 Ugama Islam, ia-itu Ugama Rasmi negeri ini.



Dua orang Pegawai2 dari Perkhidmatan Bomba Negeri Brunei telah terlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Hong Kong pada 5 Mei, 1967 untuk menjalani Kursus Latihan Pegawai2 Bomba di-Balai Bomba Hong Kong, sa-lama enam bulan mulai pada 8 Mei, 1967.

Mereka ia-lah Pelatih Penolong Pegawai Perkhidmatan Bomba Negeri Brunei, Awang Ya'akub bin Haji Mohd. Yusof (kiri) dan Awg. Wahabi bin Metussin (kanan).



MAJLIS PERPISAHAN GURU2 UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 48 orang Guru2 Ugama lelaki dan perempuan yang memasuki Kursus Singkat Perguruan sa-lama sa-tahun telah mengadakan satu Majlis Perpisahan sa-telah tamat menjalani kursus tersebut pada malam 27 April, 1967 bertempat di-Dewan Makan Sekolah Menengah Arab Hassanah-Bolkiah dengan di-hadiri oleh Pegawai2 Ugama dan Para Jemputan Khas.

Pemangku Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Awang Abdullah bin Metassan yang mewakili Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei antara lain telah berucap di-majlis itu bahawa

beliau berasa bangga di atas sambutan dan ketekunan Guru2 Ugama yang mengambil bahagian dalam kursus tersebut. Beliau menyampaikan ucapan tahniah kepada guru2 yang berjaya, dan kepada mereka yang gagal, beliau mengharapkan agar jangan berputus asa dan menhuba lagi dengan tekun dan tabah di-kursus yang lain.

Turut berucap di-majlis itu ia-lah Awg. Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin Pemangku Kadhi Besar Brunei dan juga selaku Ketua Guru yang menjalani kursus sa-lama sa-tahun itu.

Dalam ucapan-nya beliau

menerangkan mengenai sejarah mula-nya chadangan mengadakan kursus tersebut untuk melayakkan Guru2 Ugama yang tidak terlatih kapada Guru Ugama terlatih.

Menurut beliau oleh kerana pepereksaan latihan mengajar baru sahaja selesai, maka keputusan lengkap pepereksaan belum dapat di-umumkan.

Akhir-nya beliau berkata bahawa keputusan lengkap itu akan di-umumkan tidak berapa lama lagi.

Turut juga memberi ucapan di-majlis itu, ia-lah Pengerusi Majlis Awang Metussin bin Timbang dan Setia Usaha Majlis Awang Bungsu bin Pudim.



Dalam gambar ini kelihatan Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber yang juga menjadi Ketua Pengakap Negara sedang menanda-tangani Buku Pelawat pada masa lawatan beliau ka-Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei di-Jalan Gadong pada 30 April, 1967. Dalam akhbar ini keluaran hari Rabu yang lalu di-dapati kesilapan mengenai "block" gambar ini. Pemandangan yang sa-benar-nya ia-lah sa-bagaimana gambar yang di-siarkan pada hari ini.

PERSATUAN "TIBA" MERA'IKAN PENERUSI-NYA

KAMPONG SALAMBIGAR. — Persatuan Tiga Kampong Bersatu (TIBA). Kg. Salambigar, Jalan Muara, Brunei telah mengadakan satu Majlis Jamuan Teh pada petang hari Juma'at yang lalu untuk mera'ikan Pengerusi Tetap persatuan tersebut, Awg. Yakub bin Ahmad yang telah menghadiri Seminar Perhimpunan Belia Salambigar (WAY) di-Singapura baru2

ini sa-bagai wakil Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Majlis tersebut di-pengerusikan oleh Che'gu Harun bin Dato Seri Laila Abdul Samad, Yang Dipertua Persatuan TIBA serta di-hadiri oleh ramai para jemputan dan ahli2 Persatuan TIBA.

Awang Yakub telah melafadzkan satu ucapan yang panjang lebar di-majlis tersebut, antara-nya beliau

telah memberikan laporan mengenai Persidangan WAY itu.

Yang Dipertua Agong, Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin P.U.K. Awang Haji Umar dan Pengelola Ranchangan2 Belia Negeri Brunei, Awg. Zulkifli bin Haji Abdullah, selaku Wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei telah memberikan ucapan2 yang berharga di-majlis itu.



Sokan Amateur Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Sokan Amateur Daerah Brunei telah di-jalankan pada 22 April, 1967, bertempat di Padang Besar Bandar Brunei. Sa-ramai 80 orang peserta laki2 dan 40 orang peserta perempuan telah bertanding.

Perlawanan itu ada-lah untuk memilih perwakilan dari Daerah Brunei yang akan bertanding dengan wakil2 Daerah Belait, ia-itu untuk menentukan wakil2 Negeri Brunei ka-Perlawanan Sokan Borneo antara tiga wilayah yang akan di-adakan pada pertengahan bulan Julai, 1967.

Dalam perlawanan pada petang itu sa-banyak 22 rekod tahun 1966 telah dapat di-pecahkan.

KEPUTUSAN PERLAWANAN (BAHAGIAN LAKI2)

(1) LARI 100 METRES.

Pertama: Abd. Rahim Yusuf (BTAC) dengan menchatet masa 11 sa'at. Ia telah memecahkan rekod 11.4 sa'at yang di-buat oleh-nya sendiri pada tahun 1966.

Kedua: Rani Metasan (MPMB) menchatet masa 11.1 sa'at.

Ketiga: Abdullah Mustafa (BTAC) menchatet masa 11.3 sa'at.

Keempat: Md. Zain S. Mahmud (SOAS) menchatet masa 11.3 sa'at.

(2) LARI 200 METRES.

Pertama: A. Rahim Yusuf (BTAC) menchatet masa 24 sa'at. It telah memecahkan rekod tahun 1966 di-buat oleh-nya sendiri ia-itu 24.7 sa'at.

Kedua: Md. Zain S. Mahmud (SOAS) menchatet masa 24.1 sa'at.

Ketiga: Abdullah Mustafa (BTAC) menchatet masa 24.2 sa'at.

Keempat: Samri Azmain (AMDB) menchatet masa 24.3 sa'at.

(3) LARI 400 METRES.

Pertama: Sinin Metali (AMDB) menchatet masa 55.2 sa'at. Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh-nya sendiri ia-itu 55.6 sa'at.

Kedua: Ramli Dagong (MPMB) menchatet masa 56.3 sa'at.

Ketiga: Jaya Othman (SOAS) menchatet masa 56.5 sa'at.

Keempat: Samri Azmain (AMDB) menchatet masa 56.5 sa'at.

(4) LOMPAT PAGAR 110 METRES.

Pertama: Abd. Wahid Tongkat (PGGMB) menchatet masa 16.3 sa'at. Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh-nya sendiri ia-itu 16.7 sa'at.

Kedua: Ak. Ibrahim P. M. (PERKA) menchatet masa 18 sa'at.

(5) LOMPAT PAGAR 400 METRES.

Pertama: Bahar Arshad (SOAS) menchatet masa 1m. 2 sa'at. It telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Suhaili Lani ia-itu 1m. 3.4 sa'at.

Kedua: Yasin Hasan (MPMB) menchatet masa 1m 5.4 sa'at.

Ketiga: Abu Bakar (AMDB) menchatet masa 1m. 10.7 sa'at.

(6) LARI 1,500 METRES.

Pertama: Ibrahim A. Rahman (PGGMB) menchatet masa 4m. 40 sa'at. It tidak dapat memecahkan rekod 1966 yang di-buat oleh-nya sendiri ia-itu 4m 36.9 sa'at.

Kedua: Henry Chin (PERSA-ORANGAN) menchatet masa 4m 56 sa'at.

Ketiga: Abu Bakar (AMDB) menchatet masa 5m 4 sa'at.

Keempat: Ak. Jumaat P. Besar (BOMBA) menchatet masa 6 minit.

(7) LARI 5,000 METRES.

Pertama: Henry Chin (PERSA-ORANGAN) menchatet masa 17m 46.2 sa'at. Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Ibrahim Abd. Rahman ia-itu 18m 30.8 sa'at.

Kedua: Ibrahim Abd. Rahman (PGGMB) menchatet masa 18m 8.2 sa'at.

Ketiga: Apong Laman (BTAC) menchatet masa 18m 8.6 sa'at.

Keempat: Bakar Samsudin (AMDB) menchatet masa 19m. 44.9 sa'at.

(8) LARI BERTANGKAP 100MX4.

Pertama: Pasokan BTAC menchatet masa 45.7 sa'at. Pasokan ini telah memecahkan rekod 1966 yang di-buat oleh-nya sendiri ia-itu 46.4 sa'at.

Kedua: Pasokan SOAS "A" menchatet masa 46 sa'at.

Ketiga: Pasokan SOAS "B" menchatet masa 48.4 sa'at.

(9) LARI BERTANGKAP 400MX4.

Pertama: Pasokan AMDB menchatet masa 3m 51.8 sa'at. Pasokan ini tidak dapat memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Pasokan itu sendiri ia-itu 3m 43.8 sa'at.

Kedua: Pasokan MPMB menchatet masa 3m 55.2 sa'at.

Ketiga: Pasokan BOMBA menchatet masa 4 minit.

(10) LARI 800 METRES.

Dalam perlumbaan ini hanya dua peserta-nya tidak di-lawankan. Mereka terus masuk ka-perlawanan Peringkat Negeri ia-itu:

(i) Sinin Metali (AMDB)

(ii) Bahar Arshad (SOAS).

(11) LOMPAT JAUH.

Pertama: Rani Metasan (MPMB) jauh lompatan 20' 9". Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Pasang Yasin

(AMDB) sa-jauh lompatan 19' 3 1/2".

Kedua: Sulaiman Ahmad (MPMB). Jauh lompatan 19' 3 1/2".

Ketiga: Phang Tong Nam (SMMP). Jauh lompatan 18' 8 1/2".

Keempat: Sinin Metali (AMDB). Jauh lompatan 18' 7".

(12) LOMPAT TINGGI.

Pertama: Lim Soo Hock (PERSA-ORANGAN). Tinggi lompatan 5' 10". Ia telah memecahkan rekod 1966 yang di-buat oleh-nya sendiri, ia-itu tinggi lompatan 5' 8 1/2".

Kedua: Abdullah A. Damit (PGGMB). Tinggi lompatan 5' 4".

Ketiga: Muhammad Ali (MPMB). Tinggi lompatan 5' 4".

(13) LOMPAT BERGALAH.

Pertama: Onn Timbang (BTAC). Tinggi lompatan 10' 2". Ia telah memecahkan rekod 1966 yang di-buat oleh-nya sendiri ia-itu lompatan 9' 7".

Kedua: Lee Nyuk Pin (St. GEORGES). Tinggi lompatan 9' 0".

Di-susun oleh:

Md. Husain bin Zainal,
Jabatan Pelajaran, Brunei.

(14) LOMPAT KIJANG.

Pertama: Suhaili Lani (PGGMB). Jauh lompatan 44' 6". Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh-nya sendiri. Jauh lompatan 42' 8 1/2".

Kedua: Zaini Haji Omar (JKR). Jauh lompatan 41' 6".

Ketiga: Onn Timbang (BTAC). Jauh lompatan 40' 11".

Keempat: Metali Ahmad (PERSA-ORANGAN). Jauh lompatan 40' 9".

(15) LEMPAR PIRING.

Pertama: Cpl. Yahya (AMDB). Jauh lemparan 90' 4". Ia tidak dapat memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Razak Abdullah sa-jauh 91' 5".

Kedua: Razak Abdullah (BTAC). Jauh lemparan 89' 5".

Ketiga: Lim Koo Ho (PERSA-ORANGAN). Jauh lemparan 82' 7".

Keempat: Sulaiman Ahmad (MPMB). Jauh lemparan 82' 0".

(16) LONTAR LEMING.

Pertama: Kim Koo Ho (PERSA-ORANGAN). Jauh lontaran 151' 1". Ia tidak dapat memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Sallehudin (AMDB) sa-jauh 159' 8".

Kedua: Cpl. Salehudin (AMDB). Jauh lontaran 142' 3".

Ketiga: Onn Timbang (BTAC). Jauh lontaran 132' 7".

Keempat: Yasin Hasan (MPMB). Jauh lontaran 125' 4".

(17) BUANG PELURU.

Pertama: Razak Abdullah (BTAC). Jauh buangan 37' 5". Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh-nya sendiri sa-jauh 35' 7".

Kedua: P. Sulaiman (AMDB) Jauh buangan 33' 6".

Ketiga: Cpl. Yahya (AMDB). Jauh buangan 30' 10".

Keempat: Yasin Hasan (MPMB). Jauh buangan 30' 8 1/2".

BAHAGIAN PEREMPUAN

(1) LARI 100 METRES.

Pertama: Marinah Metali (STPRI) menchatet masa 14.2 sa'at. Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Dk. Iring P. Said ia-itu 15.3 sa'at.

Kedua: Fatimah Md. Husain (SOAS) menchatet masa 15.0 sa'at.

Ketiga: Fatimah Manan (SOAS) manchatet masa 15.1 sa'at.

Keempat: Dayang Abdullah (STPRI) menchatet masa 15.2 sa'at.

(2) LARI 200 METRES.

Pertama: Fatimah Md. Husain (SOAS) menchatet masa 31.0 sa'at. Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Dk. Iring P. Said ia-itu 32.1 sa'at.

Kedua: Sanah Tamit (STPRI) menchatet masa 31.4 sa'at.

Ketiga: Fatimah Manan (SOAS) menchatet masa 31.7 sa'at.

Keempat: Zauayah Rajab (STPRI) menchatet masa 34.0 sa'at.

(3) LARI 400 METRES.

Pertama: Rokiah Ismail menchatet masa 1m 14.7 sa'at. Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Dk. Rohani P. Tajuddin ia-itu 1m 16.1 sa'at.

Kedua: Dayang Abdullah (STPRI) menchatet masa 1m 17.1 sa'at.

Ketiga: Jenny Chee (ST. ANDREWS) menchatet masa 1m. 20.2 sa'at.

(4) LARI 800 METRES.

Dalam perlawanan ini hanya dua peserta-nya tidak di-lawankan mereka terus masuk ka-perlawanan Peringkat Negeri ia-itu:

(i) Dk. Rosmah P. Metasan (STPRI).

(ii) Kamariah Haji Wahab (SOAS).

(5) LOMPAT PAGAR 80 METRES.

Pertama: Malai Yuhana Sh. Othman (STPRI) menchatet masa 16.1 sa'at. Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Zini Kadir ia-itu 16.3 sa'at.

Kedua: Aminah Hj. Mohiddin (STPRI) menchatet masa 16.2 sa'at.

(Lihat muka 7)

Jawatan-Jawatan Kosong

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-demikian bagi jawatan2 Jururawat Gigi Perchubaan di-Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2—Pemohon2 mesti-lah bujang dan berumur 17 tahun tetapi tidak lebeh dari 28 tahun. Mereka mesti-lah lulus sa-kurang2-nya Sijil Brunei Junior atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang berkelulusan Sijil Persekolahan Sebarang Laut.

Gaji—Jururawat Gigi Perchubaan — \$210x10 - 260/EB/270x15 - 360.

Jururawat Gigi Terlateh—\$380 x20 - 480.

Tempoh Perchubaan.

(a) Chalon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaan selama 3 tahun dan menjadi pelajar Jururawat Gigi

selama 4 bulan dan di-kehendaki menjalani latehan di-Sekolah Pergigian Persekutuan di-Pulau Pinang atau di-tempat2 latehan yang

tertentu. Latehan di-Pulau Pinang, Malaysia ini akan mengambil masa selama 2 tahun 4 bulan.

(b) Sa-telah menamatkan lateh-

an di-Pulau Pinang atau di-mana2 tempat latehan, Jururawat Gigi Perchubaan di-kehendaki bertugas di-Klinik2 Pergigian Brunei di-bawah pengawasan Pegawai Pergigian selama sa-tahun.

Tugas—Jururawat Gigi Terlateh akan di-hantar ka-Sekolah Klinik Pergigian di-seluruh Negeri Brunei.

Pakaian seragam akan di-beri perchuma.

Alaon—Sa-masa menjalani latehan di-Pulau Pinang atau di-mana2 tempat latehan, alaon sara hidup sa-banyak \$5/- sa-hari akan di-beri dan \$30/- sa-bulan bagi alaon kenderaan dan sewa tempat tinggal yang di-persetujui akan di-bayar.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 21 Mei, 1967.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 10 Mei, 1967 hingga ka-hari Selasa 16 Mei, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
10 Mei	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06	
11 Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06	
12 Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06	
13 Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06	
14 Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06	
15 Mei	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06	
16 Mei	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51	6-05	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Sa-bagai Bailip Tanah di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Bailip Tanah di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Pemohon2 mesti-lah ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-demikian.

Gaji—Dalam sukatan gaji D.1 - 2 - 3 EB 4 \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 — Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini saja di-kehendaki memohon: Lulus Darjah VII Sekolah Melayu dan berkelulusan Ilmu Hisab bahagian rendah. Mempunyai pengalaman selama sekurang2-nya 3 tahun berkenaan dengan kerja2 tanah, ada-lah di-utamakan untuk di-pertimbangkan.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mei, 1967.

Sokan Amateur Daerah Brunei

(Dari muka 6)

Ketiga: Jenny Chee (ST. ANDREW'S) menchatet masa 20.1 saat.

(6) LOMPAT TINGGI.

Pertama: Elizabeth Ang (ST. ANDREWS). Tinggi lompatan 4' 1". Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Zini Kadir ia-itu 3' 11 1/2".

Kedua: M. Yuhana Sh. Othman (STPRI). Tinggi lompatan 3' 11".

Ketiga: Aminah Hj. Mohiddin (STPRI). Tinggi lompatan 3' 10".

Keempat: Thien Vui Yee (ST. ANDREWS). Tinggi lompatan 3' 9".

(7) LOMPAT JAUH.

Pertama: Fatimah Md. Husain (SOAS). Jauh lompatan 12' 1 1/2". Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Koh Bee Moi, sa-jauh 11' 6".

Kedua: Koh Bee Moi (SOAS). Jauh lompatan 12' 1 1/2".

Ketiga: Rokiah I s m a i l (MPMB). Jauh lompatan 11' 11".

Keempat: Elizabeth Ang (ST. ANDREWS). Jauh lompatan 11' 0".

(8) LEMPAR PIRING.

Pertama: Afsah Yusuf (SOAS). Jauh lemparan 66' 9". Ia telah memecahkan rekod tahun 1966, yang di-buat oleh Halimah Abdullah sa-jauh 66' 3".

Kedua: Fatimah Ludin (STPRI). Jauh lemparan 66' 6".

Ketiga: Masni Md. Said (MPMB). Jauh lemparan 64' 2".

Keempat: Masnah Ahmad (STPRI). Jauh lemparan

43' 7".

(9) LONTAR LEMBING.

Pertama: Afsah Yusuf (SOAS). Jauh lontaran 87' 3". Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Norfiah Bolhasan sa-jauh 80' 9".

Kedua: Nuraini Ahmad (PER-SA-ORANGAN). Jauh lontaran 78' 8 1/2".

Ketiga: Koh Bee Lian (SOAS). Jauh lontaran 78' 3".

Keempat: Masnah Ahmad (STPRI). Jauh lontaran 66' 6".

(10) BUANG PELURU.

Pertama: Masni Md. Said (MPMB). Jauh buangan 26' 2". Ia telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh Afsah Yusuf sa-jauh 24' 3 3/4".

Kedua: Nuraini Ahmad (PER-SA-ORANGAN). Jauh buangan 23' 8 1/2".

Ketiga: Masnah Ahmad (STPRI). Jauh buangan 23' 1/2".

Keempat: Afsah Yusuf (SOAS). Jauh buangan 22' 11 1/2".

(11) LARI BERGANTI2 100MX4.

Pertama: Pasokan STPRI menchatet masa 59.6 sa'at. Pasokan ini telah memecahkan rekod tahun 1966 yang di-buat oleh pasokan MPMB ia-itu 63. sa'at.

Kedua: Pasokan SOAS menchatet masa 62 sa'at.

Sekolah Melayu Nakhoda Abd. Rashid, Menunggol, Ba-

hagian Brunei II telah mengadakan Sokan Tahunan pada 28 April, 1967 di-padang sekolah itu.

Perlawanan Bola Sepak antara Pejabat2 Kerajaan Daerah Brunei, Muara dan Tutong atas anjoran Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei, yang telah dilangsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei baru2 ini ada-lah saperti berikut:—

(i) **Pada 25 April, 1967:** Perlawanan Bahagian "A" antara Pasokan Pentadbiran dengan Pasokan Penyiaran dan Penerangan. Keputusan-nya Pasokan Penyiaran dan Penerangan menang tanpa berlawan.

(ii) **Pada 26 April, 1967:** Perlawanan Bahagian "B" antara Pasokan Pos dan Tali-kom dengan Pejabat Pelajaran. Keputusan-nya Pasokan Pejabat Pelajaran menang dengan 7 gol berbalas 1.

(iii) **Pada 27 April, 1967:** Perlawanan Bahagian "B" antara Pasokan Bandaran dengan Pasokan Jabatan Kerja Raya. Keputusan-nya Pasokan Bandaran menang dengan 4 gol berbalas 1.

(iv) **Pada 29 April, 1967:** Perlawanan Bahagian "B" antara Pasokan Penyiaran dan Penerangan dengan Pasokan Agama. Keputusan-nya Pasokan Agama menang tanpa berlawan.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU



POLIS MENANG PERLAWANAN AKHIR BOLA SEPAK

GAMBAR KIRI: Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim sedang menyampaikan Perisai Rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Mulia Awang Haji Serudin bin Abdullah kepada Kapitan Pasukan Polis Di-Raja Pengiran Omar bin Pengiran Haji Apong sa-lepas Pasukan Polis mengalahkan Pasukan Jabatan Pelajaran dengan tiga gol berbalas satu dalam Perlawanan Akhir Bola Sepak Bahagian "A" antara Pejabat2 Kerajaan di-Daerah Brunei, Muara dan Tutong pada petang 6 Mei, 1967.

GAMBAR BAWAH: Gambar ramai ini di-ambil sa-belum di-langsungkan Perlawanan Akhir Bola Sepak Bahagian "A" antara Pasukan Polis Di-Raja dengan Pasukan Jabatan Pelajaran di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.



Peraduan Bahath Anjoran P.M.K.T.

KERIAM. — Persatuan Melayu Tanjong Maya dengan mendapat 72 mata telah mengalahkan Persatuan Melayu Luagan Dudok yang telah mendapat 71.66 mata dalam Peraduan Bahath Peringkat Permulaan anjoran Persatuan Melayu Keriam Tutong pada malam 5 Mei, 1967.

Peraduan Bahath tersebut telah di-langsungkan di-Dewan P.M.K.T. dan terbuka kepada Persatuan2 di-Daerah Tutong. Sa-banyak delapan buah Persatuan2 termasuk P.M.K.T. telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Menurut Setia Usaha Agong P.M.K.T., Awg. Junaidi b. O.K.S.N. Md. Safar, jadual Peraduan Bahath Peringkat Permulaan yang akan di-langsungkan dalam bulan ini adalah seperti berikut:

12 Mei jam 3 petang: Persatuan Melayu Penanjong melawan Persatuan Melayu Sinaut. 19 Mei jam 9 pagi: Persatuan Angkatan Pemuda Danau melawan Gerakan Pekatan Sukarela Tutong. 26 Mei jam 9 pagi: Persatuan Melayu Sengkarai melawan Persatuan Melayu Keriam Tutong.

SAMBUTAN MAULUD DI-DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pgn. Haji Ismail telah dipileh menjadi Pengerusi Jawatan Kuasa Sambutan Maulud Daerah Belait, tahun 1387.

Keputusan itu di-ambil dalam satu mashuarat yang di-hadhiri oleh wakil2 pertubohan2 dan wakil2 Jabatan2 Kerajaan serta orang persa-orangan di-Dewan Majlis Mashuarat Daerah Belait baru2 ini.

Pgn. Momin telah menyeru kepada kaum Islam di-seluruh Daerah Belait supaya mereka bekerja keras untuk menjayakan rancangan menyambut Maulud Nabi Muhammad, s.a.w. pada tahun ini.

Beliau juga mengharapakan agar Perayaan Maulud pada tahun ini akan berjalan dengan lebeh meriah, lancar dan berkesan.

Keputusan telah di-ambil untuk mengadakan sambutan

di-sabelah malam dan siang hari ia-itu pada hari Sabtu, 24 Jun sa-belah malam-nya dan bersambong pada siang hari Ahad 25 Jun.

Achara2 yang akan di-adakan pada malam 24 Jun di-jangka akan di-penuhi dengan persembahan2 dari Badan2 Gerakan Belia di-Daerah Belait, manakala pada siang hari 25 Jun pula akan di-adakan perbarisan.

Gerakan Membersehh Pantai Muara

BANDAR BRUNEI. — Satu gerakan bersama di-antara ahli2 Majlis Belia2 Negeri Brunei dengan ahli2 Kelab Rotary Bandar Brunei bagi membersehhkan Pantai Muara akan di-adakan pada hari Ahad 14 Mei, 1967 mulai jam 9 pagi.

Penubohan Majlis Belia2 Daerah Brunei dan Muara

KAMPONG SI-RAJA MUDA. — Satu upacara penubohan Majlis Belia2 Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan di-Rumah Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei, Kampong Si-Raja Muda Kampong Ayer, Brunei pada jam 8 pagi hari Juma'at 12 Mei, 1967 di-bawah anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei dan di-kekola-kola bersama oleh Persatuan PATUH.

Sementara itu, Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud, bagi pehak Majlis Belia2 Daerah Brunei dan Muara menjemput Persatuan2 Belia di-Daerah Brunei dan Muara yang bergabung dengan M.B.B. Negeri Brunei atau pun tidak, yang belum lagi menerima surat2 jemputan, ada-lah di-persilakan menghantar dua orang wakil dari tiap2 persatuan itu ka-majlis tersebut.

Forum Bahasa Anjoran ASTERAWANI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei akan meng-anjorkan satu Majlis Forum Bahasa bertajok "Peranan Penulis2 dan Persatuan-nya di-Brunei", bertempat di-Dewan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei pada jam 8-30 pagi hari Juma'at 12 Mei, 1967.

Pembicara-nya ia-lah tiga orang tokoh bahasa dan sastera, ia-itu Doktor Pangkat Harahap, Awang Ahmad bin Jumat, B.A., dan Awg. Abdul Saman bin Kahar.

Setia Usaha Forum tersebut Awg. Muslim Burmat, bagi pehak Persatuan ASTERAWANI mempersilakan orang ramai ka-majlis tersebut.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara

(Dari muka 1)

ikan), harga daging, sayor2 dan lain2.

Berkenaan dengan so'alan tersebut, Awang Mohd. Ali menjawab bahawa dukachita di-ma'alomkan Lembaga Bandar, Brunei tidak-lah kena mengena dengan pengawalan harga2 barang2 makanan, seperti ikan2, daging2, sayor2an dan lain2-nya di-dalam Pasar Besar, Bandar Brunei.

Dua usol telah di-kemukakan dalam Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara pada pagi hari tersebut

oleh Yang Mulia Awang Ahmad bin Chuchu, Wakil Kawasan Gadong, Brunei. Majlis telah menerima satu usol dan telah menolak satu usol yang lain. Usol2 itu ada-lah seperti berikut:

(a) "Bahawa Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang bersidang pada hari ini mempersetujui menasehatkan Pegawai Daerah bagi meluluskan usol supaya pehak Pejabat Perubatan dapat mengasingkan orang2 sa-tengah gila dengan orang2 sedang

sakit yang di-tempatkan di-Ward No. 8 di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei. Usol ini telah di-terima.

(b) "Bahawa Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang bersidang pada hari ini mempersetujui menasehatkan Pegawai Daerah bagi meluluskan usol supaya pehak Pejabat Perubatan dapat menyediakan sa-buah Kantin di-kawasan Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei. Usol ini telah di-tolak.